


# Kementerian tak akan tetapkan harga rumah

BH - 20/9/2006

## Kerajaan tidak mahu industri perumahan jadi terlalu rumit



Laporan Hassan Omar

**K**UALA LUMPUR: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak akan menetapkan harga permulaan rumah yang dibina syarikat pemaju kecuali rumah kos rendah.

Menterinya, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata sebaliknya kementerian itu mengawal cadangan syarikat pemaju untuk menaik atau menurunkan harga rumah, selain memastikan syarikat berkenaan merealisasikan pelbagai tawaran ketika mengiklankan rumah.

Beliau berkata, kementerian tidak mahu menjadikan industri pembinaan rumah terlalu rumit dengan menetapkan harga rumah.

"Kesukaran mendapat tanah di lokasi strategik pada harga sesuai dan kelewatan memproses permohonan pemaju oleh pelbagai agensi kerajaan akan menyebabkan industri perumahan terlalu rumit dan tidak mampu menyumbang kepada ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbincangan Bajet 2007, di sini, semalam.

Sehubungan itu, kementerian membenarkan syarikat pemaju menetapkan harga rumah berdasarkan pertimbangan mengenai jenis, reka bentuk, keluasan tanah dan lokasi.

Ong berkata, berdasarkan kemampuan pembeli membuat pilihan, syarikat pemaju perlu sanggup menang-

**“** Golongan yang tidak berupaya atau tidak layak dapat pinjaman perumahan atau tidak mampu membayar sewa disediakan dana khas bagi membiayai sewa rumah yang akan diselenggarakan”

gung risiko kerugian.

Katanya, kementerian melaksanakan Skim Pinjaman Bersama dan Skim Pinjaman Dua Generasi bagi mengatasi masalah pinjaman perumahan mereka berpendapatan rendah.

"Golongan yang benar-benar tidak berupaya atau tidak layak untuk mendapatkan pinjaman perumahan atau tidak mampu membayar sewa disediakan dana khas bagi membiayai sewa rumah yang akan diselenggarakan," katanya.

Mengenai usaha menangani rasuah dalam pihak berkuasa tempatan (PBT), kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) pada peringkat Persekutuan, negeri, daerah dan PBT.

Ong berkata, ketika ini ada 281 Pasukan Bomba Sukarela di seluruh negara, membabitkan ahli seramai 12,000 orang.

**Ong Ka Ting**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan